

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, August 13, 2018 8:29 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 50 Pelajar Cemerlang Dilantik Sebagai Anggota Kumpulan Kedua BGS Chapter UUM



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

13 OGOS 2018 / 1 ZULHIJAH 1439H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

50 PELAJAR CEMERLANG DILANTIK SEBAGAI ANGGOTA KUMPULAN KEDUA BGS CHAPTER UUM



UUM ONLINE: Kuala Lumpur, 11 Ogos - Seramai 50 pelajar cemerlang Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima keanggotaan sebagai ahli kumpulan kedua Beta Gamma Sigma Chapter UUM (BGS Chapter UUM) daripada 770 yang layak memohon.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Yusnidah Ibrahim berkata pelajar berkenaan terpilih selepas melalui proses pemilihan yang ketat.

"Kriteria yang paling kritikal untuk menjadi anggota BGS ialah pelajar mesti mencapai kelas pertama dan berada di kelompok 10 peratus teratas dalam program pengajian masing-masing.

"Bukan itu sahaja, pelajar juga perlu aktif dengan mendapat markah minimum SIRA sekurang-kurangnya 100 markah, seterusnya, semua calon yang disenarai pendek perlu mengikuti sesi temuduga di mana kualiti kepimpinan, kemahiran komunikasi, penyelesaian masalah dan pemikiran kritikal diuji.

"Secara ringkasnya, ahli-ahli BGS bukan sahaja diuji dari segi Crystallize Intelligence tetapi juga Fluid Intelligence," katanya ketika berucap pada Majlis Induksi BGS Chapter UUM 2018.

Tegas Prof Dr Yusnidah yang juga Presiden BGS Chapter UUM, banyak manfaat diperolehi oleh ahli BGS sama ada di Amerika Syarikat (AS) mahupun UUM.

"Bagi UUM, pelbagai program kepimpinan dan penglibatan industri sudah ada dalam perancangan ahli-ahlinya. Semua ahli juga diberi keutamaan untuk menjalani program pertukaran pelajar, latihan di Syarikat Multinasional dan banyak lagi bengkel kemahiran tambahan yang lain.

"Selain itu, semua ahli BGS juga boleh mengakses pelbagai sumber dari laman web utama BGS serta mengikuti pelbagai program di Amerika Syarikat. Sejajar dengan misi UUM, saya sangat berharap UUM dan BGS dapat bekerjasama untuk menghasilkan lebih ramai pemimpin muda dengan ciri-ciri holistik untuk berkhidmat kepada komuniti global," ujar beliau.

Hanya universiti yang mempunyai akreditasi AACSB boleh menubuhkan BGS yang merupakan pengiktirafan tertinggi yang boleh diterima pelajar-pelajar perniagaan di seluruh dunia.

Terdapat hanya 566 Chapter BGS di seluruh dunia di mana kebanyakannya di berada AS.

BGS Chapter UUM ditubuhkan selepas UUM menerima akreditasi AACSB pada 2015 dan merupakan BGS pertama di Malaysia dan kelima di Asia Tenggara.

Kumpulan pertama ahli BGS Chapter UUM terdiri daripada 75 pelajar terbaik dari lima pusat pengajian di bawah College of Business (COB) dan satu dibawah College of Law, Government and International Studies (COLGIS), yang mana pelajar-pelajarnya berasal dari enam buah negara dan mengikuti 14 program pengajian yang berbeza.

Hadir sama Penolong Naib Canselor UUMCOB, Prof Dr Haim Hilman Abdullah; Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, College of Arts and Sciences (PPA UUM CAS), Dr. Massudi Mahmuddin dan wakil-wakil pusat pengajian.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.